

29 JUL 2003

Mahathir-cerai

JANGAN GUNA KEMAJUAN TEKNOLOGI SEWENANG-WENANGNYA, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemajuan dalam teknologi perhubungan tidak harus digunakan sewenang-wenangnya seperti untuk menceraikan isteri dengan menghantar sistem pesanan ringkas (SMS).

Merujuk kepada satu kes perceraian yang melibatkan penggunaan SMS baru-baru ini, Perdana Menteri berkata kemajuan teknologi telah menyediakan orang ramai dengan kecanggihan untuk berkomunikasi sehingga ada yang menceraikan isteri menerusi SMS.

"Saya tidak begitu senang berhubung perkara ini tetapi ia telah diterima, tak salah daripada segi undang-undang dan tidak salah daripada segi Islam," katanya semasa berucap merasmikan pembukaan Ericsson@MSC, pusat kegiatan serantau syarikat itu dan ibu pejabatnya di Malaysia.

Dr Mahathir berkata walaupun ada orang yang hendak menceraikan isteri mereka, mereka ini harus mengambil pendekatan yang lebih bersifat peribadi daripada SMS.

"Daripada menghantar mesej (untuk bercerai), kita harap dia akan melihat wajah isterinya yang cantik itu, telefonnya dan berbual dengannya.

"Mungkin dia (isteri) akan menangis dan lelaki tadi akan menarik balik (hasrat untuk bercerai). Ini barulah kemajuan," kata Perdana Menteri.

Khamis lepas, Mahkamah Syariah Gombak mengisahkan satu perceraian yang dibuat menggunakan SMS.

Hakim Mohamad Fauzi Ismail membuat keputusan bahawa perkahwinan antara Azida Fazlina Abdul Latif dan Shamsudin Latif telah berakhir apabila Shamsudin menghantar SMS kepada Azida Fazlina yang berbunyi : "Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga."

-- BERNAMA

HS HK AHH MAI